

# MEMPERKASAKAN TANAH WAKAF MELALUI MODEL USAHAWAN WAKAF TANI BERSEPADU BERASAKAN KONSEP MUSYARAKAH

## *EMPOWERING WAQF LAND THROUGH AN INTEGRATED WAQF ENTREPRENEURIAL FARMER MODEL BASED ON THE MUSYARAKAH CONCEPT*

Siti Khalilah Basarud-din <sup>1</sup>  
Nik Safiah Nik Abdullah <sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Muamalat & Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, Malaysia  
(E-mail: khalilah@kuips.edu.my)

<sup>2</sup> Fakulti Muamalat & Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, Malaysia  
(E-mail: niksafiah@kuips.edu.my)

### Article history

**Received date** : 23-2-2023  
**Revised date** : 24-2-2023  
**Accepted date** : 13-4-2023  
**Published date** : 15-4-2023

### To cite this document:

Basarud-din, S. K., & Nik Abdullah, N. S. (2023).  
Memperkasakan Tanah Wakaf Melalui Model  
Usahawan Wakaf Tani Bersepadu Berasakan Konsep  
Musyarakah. *Journal of Islamic, Social, Economics  
and Development (JISED)*, 8 (52), 227 - 236.

---

**Abstract:** *Wakaf merupakan instrumen terpenting selepas zakat dalam menggerakkan sumbernya ke arah pembangunan sosial ekonomi umat Islam secara amnya. Namun demikian, institusi wakaf di Malaysia tidak sepatutnya menjadikan harta wakaf sebagai sumber simpanan dan ianya perlu digerakkan demi mencapai matlamat asas wakaf itu sendiri. Sejajar dengan hasrat kerajaan dalam memperkenalkan pelbagai dasar dan program dalam membantu meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi terutama golongan B40. Dalam merealisasikan matlamat ini, konsep musyarakah adalah satu alternatif yang perlu diketengahkan dalam membangunkan tanah wakaf terbiar untuk projek pertanian yang boleh menjana keuntungan yang berpanjangan dan lumayan. Bahkan tanah wakaf yang terbiar juga boleh dijana untuk mendapatkan hasil pendapatan yang tinggi serta membangunkan sosial ekonomi ke arah yang lebih baik dan selesa. Justeru, tujuan kajian ini adalah bagi membina model pembangunan usahawan wakaf tani bersepadu bagi merangka dan memperkasakan tanah wakaf terbiar untuk komersialkan. Implikasi kajian ini ialah model yang dibangunkan dapat membantu kerajaan dan agensi-agensi di bawahnya dan juga pihak berkuasa Majlis Agama Ialam Negeri dalam membantu meningkatkan produktiviti dan pendapatan golongan usahawan asas tani B40. Hasil kajian juga dapat menyokong usaha kerajaan dengan mensasarkan Malaysia sebagai negara utama dunia dalam sektor ekonomi, kebajikan rakyat dan inovasi di samping sejajar dengan usaha yang menekankan kepada kecekapan, kemampunan dan produktiviti.*

**Keywords:** *Wakaf, Usahawan Tani B40, Musyarakah, Sektor Pertanian*

**Abstract:** *Wakaf is the second most important instrument after zakat in mobilizing its resources towards the socio-economic development of the Muslim ummah in general. However, waqaf institutions in Malaysia should not treat waqaf assets as savings and they need to be mobilized to achieve the basic objectives of waqaf itself. In line with the government's intention to introduce various policies and programs to help improve the standard of living and socio-economic status, especially of the B40 group. To achieve this goal, the concept of musyarakah is an alternative that needs to be considered in developing neglected waqaf land for long-term and lucrative agricultural projects. Even neglected waqaf land can generate high income and develop socio-economic conditions towards a better and comfortable life. Therefore, the purpose of this study is to develop an integrated waqaf entrepreneur development model to enhance and commercialize neglected waqaf land for agriculture. The implication of this study is that the developed model can assist the government and its agencies as well as the state Islamic Council authorities in improving the productivity and income of basic B40 farming entrepreneurs. The study's results can also support the government's efforts in targeting Malaysia as a leading country in the world in the economic, social welfare, and innovation sectors, in line with efforts that emphasize efficiency, sustainability, and productivity.*

**Keywords:** *Wakaf, B40 Farming Entrepreneurs, Musyarakah, Agriculture Sector*

## **Pendahuluan**

Wakaf merupakan instrumen terpenting selepas zakat dalam menggerakkan sumbernya ke arah pembangunan sosial ekonomi umat Islam secara amnya. Namun demikian, institusi wakaf di Malaysia tidak sepatutnya menjadikan harta wakaf sebagai sumber simpanan dan ianya perlu digerakkan demi mencapai matlamat asas wakaf itu sendiri. Pensiaryatan wakaf dapat dilihat dari aspek yang lebih luas di mana wakaf boleh dijadikan sebagai penggerak kepada pembangunan negara sama ada dari sudut ekonomi pertanian mahupun ekonomi pembangunan. Sejalan dengan hasrat kerajaan dalam memperkenalkan pelbagai dasar dan program dalam membantu meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi terutama golongan B40.

Budget negara pada tahun 2022 juga memperuntukkan manfaat yang lebih komprehensif kepada golongan berpendapatan rendah untuk meningkatkan pendapatannya, selari dengan sasaran purata pendapatan isi rumah RM10,000 sebulan yang diletakkan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) (Utusan Malaysia, 2021). Dalam merealisasikan matlamat ini, konsep musyarakah adalah satu alternatif yang perlu diketengahkan dalam membangunkan tanah wakaf terbiar untuk projek pertanian yang boleh menjana keuntungan yang berpanjangan dan lumayan. Bahkan tanah wakaf yang terbiar juga boleh dijana untuk mendapatkan hasil pendapatan yang tinggi serta membangunkan sosial ekonomi ke arah yang lebih baik dan selesa. Di samping itu juga, hasil pendapatan daripada sektor pertanian atau perternakan dapat meningkatkan pendapatan negeri iaitu melalui pembangunan tanah wakaf yang terbiar serta meningkatkan pendapatan perkapita negara.

Dengan mengimplementasikan model usahawan wakaf tani bersepadu berasaskan konsep musyarakah ini dalam membangunkan tanah wakaf terbiar, pihak berkuasa tempatan iaitu pihak Majlis Agama Islam negeri dapat membantu khususnya golongan usahawan tani B40 di mana pembangunan tanah wakaf tersebut dibuat secara usahasama dengan golongan tersebut. Justeru, tujuan kajian ini adalah bagi membina model usahawan wakaf tani bersepadu bagi merangka dan memperkasakan tanah wakaf terbiar untuk komersialkan. Implikasi kajian ini ialah model yang dibangunkan dapat membantu kerajaan dan agensi-agensi di bawahnya dan juga pihak

berkuasa Majlis Agama Islam Negeri dalam membantu meningkatkan produktiviti dan pendapatan golongan usahawan asas tani B40. Hasil kajian juga dapat menyokong usaha kerajaan dengan mensasarkan Malaysia sebagai negara utama dunia dalam sektor ekonomi, kebajikan rakyat dan inovasi di samping sejajar dengan usaha yang menekankan kepada kecekapan, kemampanan dan produktiviti.

### **Penyertaan Masalah**

Pada masa kini, Malaysia telah dikategorikan sebagai salah satu negara yang membangun di mana projek pembangunan dapat dilihat di mana-mana sahaja di negara ini. Walau bagaimanapun, Malaysia juga berhadapan dengan masalah kerana banyak tanah wakaf yang terbiar serta tidak dibangunkan (Rahmawati, Mohammad Hidir, Norintan, Rosnani, & Siti Mariam, 2021). Jika tidak diatasi, masalah ini akan membawa kerugian kepada negara umumnya serta kepada umat Islam khususnya. Masalah tanah wakaf terbiar ini berpunca daripada sistem perancangan dan pengurusan harta wakaf yang tidak efektif sehingga mengakibatkan pembangunan harta wakaf terhalang. Pembangunan harta wakaf merupakan titik kuasa yang amat penting kerana harta wakaf ini memiliki potensi yang besar untuk pembangunan dan penjaan pendapatan. Statistik menunjuk masih banyak harta tanah wakaf di Malaysia yang belum diterokai serta dibangunkan sepenuhnya memandangkan masih terdapat banyak harta tanah wakaf yang masih terbengkalai. Sebagai contoh, pada tahun 2016 rekod menunjukkan sebanyak 11,091.82 hektar yang terdiri daripada wakaf am dan wakaf khas masih lagi terbiar dan tidak dibangunkan (Siti Salmiah, 2016).

Seiring dengan peningkatan jumlah penduduk di Malaysia serta kos sara hidup yang semakin tinggi sekarang ini, alangkah baiknya jika tanah wakaf ini dapat dikembangkan dan dibangunkan yang mana hasil keuntungannya dapat digunakan untuk membantu rakyat bagi mengurangi kesulitan mereka. Selain itu, seiring dengan peningkatan jumlah penduduk di Malaysia serta kos sara hidup yang semakin tinggi sekarang ini, adalah amat wajar jika tanah wakaf ini dapat dikembangkan dan dibangunkan yang mana hasil keuntungannya dapat digunakan untuk membantu rakyat.

Tanah wakaf yang terbiar boleh dikomersialkan melalui sektor pertanian dan perternakan. Sektor pertanian dan perternakan perlu diberi perluasan di Malaysia. Hal ini kerana Malaysia kekurangan bahan makanan yang dihasilkan di negara ini. Pada tahun 2021, Malaysia telah mengimport bahan makanan dari negara luar sebanyak RM 5.55 billion meningkat berbanding pada tahun 2020 (Ahmad Suhael, 2021). Peningkatan ini telah memberi kesan terhadap peningkatan harga bahan mentah di Malaysia. Oleh itu, pihak kerajaan perlu mengatur strategik bagi meningkatkan hasil pertanian atau perternakan di Malaysia, antaranya memperkasakan tanah wakaf yang terbiar untuk digunakan dalam sektor pertanian atau perternakan.

Kewajaran tanah wakaf dikomersialkan ini patut dikaji mengikut perspektif Islam dan pandangan fuqahah. Jika ia tidak dikaji mengikut perspektif Islam, bimbang pengkomersial ini tidak mencapai tujuan yang sebenar iaitu mendapat manfaat kepada umat Islam. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk membina model Usahawan Wakaf Tani Bersepadu yang berdasarkan konsep musyarakah. Model ini dibangunkan secara menyeluruh agar proses dan prinsip operasi tanah wakaf bertepatan dengan prinsip Syariah dan memberi manfaat ke atas tanah wakaf yang diusahakan. Melalui prinsip musyarakah ini pihak usahawan tani B40 yang mahir dan Majlis Agama Islam Negeri mempunyai perjanjian keuntungan yang dipersetujui bersama dengan membangunkan tanah wakaf untuk di komersialkan melalui sektor pertanian atau perternakan.

## Sorotan Karya

### Wakaf Di Malaysia


Pentadbiran wakaf di Malaysia seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan diamanahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta agensi berkaitan yang diberi mandat oleh MAIN (MAIN dan agensi berkaitan dinyatakan sebagai institusi wakaf) (Mohd. Fairuz, Azlina, Norida, Hairunnizam, Azizah, & Ainol Basirah, 2022). Perkara ini ditetapkan melalui perundangan bagi setiap negeri dan memperuntukkan bahawa MAIN adalah sebagai pemegang amanah tunggal dan bertanggungjawab membangunkannya untuk manfaat orang Islam.

Seksyen 93 di bawah enakmen yang sama telah memperuntukkan kuasa di mana MAIN hendaklah mengambil inisiatif dan meletakkan hak dan mendaftar kesemua tanah wakaf, amanah dan nazar am yang terkandung dalam seksyen 92 mengikut undang-undang yang relevan dengan tanah (Ab Rahman, 2009). Kerajaan Malaysia juga telah mengistiharkan penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada 27 Mac 2004 bersamaan Safar 1425H oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi. Penubuhan JAWHAR ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat, mal dan haji di seluruh negara lebih sistematik, tersusun dan berkesan.

### Pembangunan Tanah Wakaf

Pembangunan tanah wakaf yang terbiar perlu dibangunkan secara maksimum sehingga menjana keuntungan dan manfaat kepada umat Islam itu sendiri. Sesebuah tanah wakaf tidak diperolehi manfaat jika ianya gagal dibangunkan sehingga merugikan umat Islam itu sendiri. Lebih-lebih lagi gagal menyalurkan manfaat kepada mawquf alaih (orang yang berhak menerima apa-apa manfaat atau faedah daripada harta wakaf itu) dan pahala tidak diperolehi oleh pewakaf itu sendiri. Menurut Baihaki dan Zakaria (2019) kegagalan memberikan manfaat secara berterusan menyebabkan harta wakaf seolah-olah terputus pahalanya. Menurut Rahmawati, et al. (2021) tanah wakaf yang tidak dibangunkan dianggap tidak mematuhi konsep dan teori maqasid syariah dalam prinsip melindungi harta (al-mal). Ini adalah kerana tujuan sesebuah tanah diwakafkan supaya ianya boleh digunakan dan hasil daripadanya dinikmati oleh orang ramai ataupun penerima yang berhak. Namun demikian, elemen produktif dalam tanah yang diwakafkan tidak dapat ditingkatkan serta tidak dapat memberi manfaat samada dari segi faedah ekonomi, sosial dan sebagainya. Selain itu, pembangunan tanah wakaf dapat menjamin tanah wakaf itu memenuhi kehendak pembangunan negara dan ekonomi semasa negara. Tanah wakaf yang terletak di pusat bandar dan luar bandar yang strategik dari segi ekonomi, politik, dan sosial jika tidak dikormersialkan merugikan ummah dan mengelakkan harta wakaf menjadi terbiar dan tidak ada manfaatnya (JAWHAR, 2010). Rajah 1 menunjukkan keluasan harta tanah wakaf di seluruh Malaysia (JAWHAR, 2010). Melalui pembangunan tanah wakaf yang terbiar ini dapat meningkatkan hasil dan pendapatan wakaf negeri-negeri untuk pembangunan ummah (JAWHAR, 2010). Penjana wang ini tidak lain dapat membantu MAIN sendiri untuk membuka dan menaikkan tanah wakaf yang terbiar. Tanah wakaf yang terbiar dapat dibangunkan dengan menggunakan kewangan dan hasil dari penjana pembangunan tanah wakaf ini. Hal ini pasti memberi keuntungan yang besar kepada ummah dan menyalurkan pahala yang berterusan kepada pewakaf.





Rajah 1: Keluasan Tanah Wakaf Di Malaysia.

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2022).

### Usahawan Tani

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), 'pertanian' yang terhasil dari kata nama tani bermaksud perihal bertani (tanam-menanam) atau perusahaan bercucuk tanam. Pertanian merupakan satu bentuk kegiatan penanaman tumbuhan dan pokok-pokok yang mampu memberikan hasil kepada manusia. Sumber ini merupakan salah satu ciptaan Allah SWT kepada manusia sebagai punca rezeki yang boleh dikategorikan kepada beberapa jenis penghasilan seperti sumber makanan, bahan mentah untuk pembuatan rumah, perabot, alat tulis, kertas dan pelbagai lagi. Bidang pertanian juga merupakan satu bidang yang tidak pernah terhenti prosesnya memandangkan keperluan kepada penghasilannya adalah tinggi.

Secara umumnya adalah usahawan tani adalah menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan sektor pertanian secara lebih komersil dan sistematik, berpandukan kepada 'pertanian suatu perniagaan' dan mempunyai sifat yang lebih agresif. Kumpulan ini sering pandai mencari dan mencipta peluang berkaitan sektor pertanian sama ada dalam sektor tanaman, ternakan, ternakair, perkhidmatan pertanian, kejenteraan pertanian, aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian dan sebagainya. Kerap kali mereka juga mampu mengintergrasikan atau membuat kombinasi kesemua jenis aktiviti diatas dan menjadikan satu entiti perniagaan yang aktif serta menguntungkan. Usahawan Tani lebih berani untuk membuat pinjaman dari pihak bank atau agensi dan aktif dalam mendapatkan ilmu atau teknologi berkaitan pertanian (Aris, Abas, Adnan, Nasir, & Jalani, 2021).

### Kajian Lepas

Terdapat pelbagai perbincangan dan perbahasan tentang penggunaan tanah wakaf dalam pelbagai bidang oleh pengkaji yang lepas. Kajian yang dilakukan oleh Mohamad (2020) mengenai pelaksanaan Istibdāl bagi tanah-tanah wakaf di Malaysia mendapati bahawa pelaksanaan istibdāl di peringkat MAIN masih berbeza antara satu sama lain dan kesannya diperingkat Malaysia masih belum diopitimalkan dengan sepenuhnya. Peranan istibdāl dalam

membangun tanah-tanah wakaf perlu diketengahkan dengan pelbagai model yang boleh dilaksanakan seperti pembangunan komersial, pendidikan dan keagamaan. Sabri et al. (2020) menyatakan bahawa kemudahan dari wakaf 'aqar ini boleh dijadikan sebagai fasiliti untuk pembangunan industri halal kepada para usahawan muslim. Antara usaha yang boleh dijalankan ialah menjadikan wakaf 'aqar berkenaan sebagai inkubator usahawan halal, lot operasi perniagaan, tanah untuk pertanian, serta penternakan berasaskan pensijilan Halal Malaysia. Manakala Puspitasari (2017) mendapati bahawa pengumpulan dana crowdfunding dapat memberikan manfaat besar kepada sektor pertanian dan petani jika diintegrasikan dengan waqf. Sistem ini akan membolehkan petani yang kurang berkemampuan untuk memenuhi keperluan mereka dan menyertai pembangunan ekonomi negara mereka. Penemuan daripada Wildanadan Alhabshi (2018) mendedahkan bahawa wakaf boleh dimasukkan dengan betul dalam rangka kerja semasa untuk keselamatan makanan asas dan penstabilan harga, dengan tambahan rizab yang membolehkan penjaga aset wakaf daripada pertanian (beras) menjalankan perdagangan dengan bebas. Ini menggalakkan petani sebagai rakan wakaf untuk mewujudkan persekitaran pengeluaran beras yang stabil dan memendekkan rantai bekalan dengan mewujudkan subbahagian komersial yang berkaitan. Selain itu kajian daripada Majid (2022) mendapati bahawa strategi untuk melaksanakan tanah wakaf padi boleh dijalankan melalui strategi dalaman, iaitu dengan mengoptimumkan dan memulihkan tanah wakaf yang telah dijanjikan sebagai sarana pengeluaran dan strategi luaran melalui pengambilan alih tanah padi yang berpotensi untuk wakaf dan dikelola oleh nazhir.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif asas. Keadah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini melibatkan kajian dokumentasi kualitatif. Kajian dokumentasi kualitatif ini mempunyai maksud untuk mendapatkan data sekunder seperti dokumen, tesis, buku, artikel jurnal, minit mesyuarat, risalah, buku, laporan dan sebagainya yang berkaitan. Kaedah penganalisan data dalam penyelidikan ini adalah menggunakan analisis kandungan kualitatif. Analisis Kandungan merupakan satu teknik penyelidikan dalam membuat rumusan secara sistematik, objektif dengan mengenalpasti ciri-ciri spesifik tertentu. Dalam kajian ini analisis kandungan dilakukan dengan mengekod maklumat-maklumat tertentu, dan kemudian dibuat tema dan dianalisis dengan sistematik

### **Hasil Kajian**

#### **Konsep Musyarakah**


Musyarakah ialah akad atau akad perjanjian yang dibentuk dengan dua orang atau lebih yang akan menjalankan perniagaan dengan masing-masing menyediakan dana dengan perjanjian bahawa untung dan rugi dikongsi bersama. Musharakah bermaksud pengumpulan modal daripada dua pihak yang terlibat untuk tujuan perniagaan.

Musharakah sering digunakan untuk pembiayaan perumahan, di mana pelanggan dan bank kedua-duanya menyediakan dana untuk membiayai projek tersebut. Selepas projek selesai, pelanggan pulangkan dana bersama-sama perkongsian keuntungan yang dipersetujui bersama pihak bank. Musyarakah bertujuan sebagai pembiayaan khas untuk modal kerja, di mana dana daripada kedua pihak yang terlibat adalah sebahagian daripada modal perniagaan pelanggan dan keuntungan dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui (Rahayu, R., & Nafi Hasbi, M. Z., 2022). Pembiayaan atau kontrak musyarakah ialah perjanjian kerjasama antara pembiaya atau pembiaya modal di mana dana atau modal, yang kemudiannya akan diarahkan pada projek atau perniagaan tertentu, diintegrasikan dengan pembahagian keuntungan antara pihak-pihak

pada nisbah yang dipersetujui bersama. masa menandatangani kontrak (Sujian & Bustam, 2020).

### Konsep Musyarakah Dalam Model Usahawan Wakaf Tani.

Berdasarkan hasil kajian adalah lebih sesuai untuk menggunakan kontrak musyarakah dalam pembangunan model usahawan wakaf tani bersepadu B40 kerana ia lebih efektif dan efisien. Kontrak ini bersesuaian dengan prinsip modal usaha niaga iaitu usahasama dua pihak untuk mengendalikan sesuatu projek. Biasanya perkongsian modal usaha niaga ini terbentuk apabila pihak pengusaha tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membiayai sesebuah projek dan memerlukan pihak lain untuk menjadi pembiaya. Kedua-dua pihak bersetuju di atas penentuan nisbah peratusan sumbangan modal awal masing-masing dalam dana pengurusan modal usaha niaga yang dipersetujui. Majlis Agama Islam Negeri akan menyumbang modal munasabah dengan perkongsian modal yang akan dikeluarkan oleh usahawan B40 berdasarkan kemampuannya. Sumbangan modal yang dikeluarkan kan oleh usahawan adalah bertujuan supaya usahawan lebih produktivi dalam mengusahakan tanah wakaf melalu pertanian yang dijalankan agar modal yang telah disumbangkan mampu memberi hasil keuntungan kepadanya. Konsep al-musyarakah sangat bertepatan dengan model usahawan wakaf tani di mana perkongsian usahasama antara dua pihak untuk menguruskan sesebuah projek. Masing-masing menyumbang modal dan mengusahakan projek tersebut bersama-sama. Keuntungan telah dipersetujui pada peringkat awal menandatangani kontrak dengan pembahagian nisbah keuntungan. Pemodal dan pengusaha akan memastikan projek tersebut berjaya dan mereka mendapat keuntungan. Tetapi jika projek tersebut mengalami kegagalan, maka kedua-dua belah pihak akan turut menanggung risiko. Konsep pengagihan keuntungan dan kerugian inilah menyebabkan konsep ini sangat sesuai diaplikasikan dalam industri modal usaha niaga Islam.



Rajah 2: Konsep Musyarakah

### Rukun Musyarakah

Jumhur ulama menyepakati bahwa akad merupakan salah satu hal yang harus dilakukan dalam kontrak musyarakah (Aziroh & Sa'diyah, 2014) meliputi;

1. Sighat (Ijab dan Qabul).

Merupakan pernyataan para pihak yang secara jelas menunjukkan tujuan akad, penerimaan dan penawaran langsung saat kontrak, dan menuangkan akad dalam bentuk tertulis.

## 2. Pihak-pihak yang Berakad/Aqidain

Ada beberapa kriteria pihak-pihak yang berakad, diantaranya yaitu:

- a) orang yang berakal,
- b) baligh,
- c) merdeka atau tidak dalam paksaan.
- d) rakan kongsi perlulah kompeten dalam perkongsian ini.

## 3. Objek Akad/Mauqud Alaih


Objektif kontrak terdiri daripada modal dan kerja. Modal mestilah dalam bentuk tunai dan aset yang boleh dinilai dengan wang. Modal sedia ada juga tidak boleh dijadikan cagaran atau dipinjamkan kepada pihak lain. Sementara itu, objek kerja mesti dijalankan bagi pihak individu atau individu. Kerja yang dilakukan tidak semestinya sama, tetapi mereka yang melakukan lebih banyak berhak mendapat faedah tambahan.

## 4. Perkongsian Keuntungan / Nisbah

Keuntungan yang diperolehi hendaklah dibahagi-bahagikan sesama pihak, sama ada dan mengikut perjanjian.

### Model Usahawan Wakaf Tani B40

Pembangunan model usahawan asas tani B40 dibangunkan berdasarkan perbincangan yang dikupas melalui hasil kajian yang lepas seperti berikut:



Rajah 3: Model Usahawan Tani B40 Bersepadu

Berdasarkan kepada rajah 3, terdapat lima operasi cadangan dalam mengimplementasikan kontrak musyarakah untuk membangunkan tanah wakaf terbiar di Malaysia.

1. Pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) tanah wakaf yang berpontensi dan jenis pertanian atau penterakan yang munasabah untuk dibangunkan oleh usahawan.
2. Kemudian pihak MAIN akan meneliti usahawan yang berpontensi dalam mengusahakan tanah wakaf yang terbiar. Kriteria usahawan yang perlu diteliti berdasarkan kekuatan fizikal, pengalaman dalam pertanian dan modal yang disumbangkan.
3. Setelah dikenalpasti potensi usahawan yang terlibat. Pihak MAIN dan usahawan B40 mengumpulkan sejumlah modal berdasarkan persetujuan yang dibuat. Perkongsian



modal erdasarkan kontrak musyarakah yang mana melibatkan peratusan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak sebagai contoh MAIN menyumbang 70% atau 80% selebihnya ditanggung oleh pihak usahawan yang terlibat dan kerugian akan ditanggung berdasarkan peratusan sumbangan modal yang dikeluarkan. Disamping itu juga pihak majlis agama Islam negeri turut menyediakan modal untuk proses penanaman atau penternakan iaitu pembelian benih, baja, racun, jentera pembajak dan keperluan lain yang munasabah.

4. Usahawan tersebut akan menguruskan tanah wakaf tersebut sama ada dalam bentuk pertanian atau peternakan dari sudut penjagaan iaitu meracun, membaja dan sebagainya sehingga membuahkan hasil dan dijual.
5. Apabila hasil pertanian dan peternakan tersebut telah membuahkan hasil dan keuntungan telah diperolehi, maka hasil keuntungan tersebut perlu diagihkan di antara usahawan dan pihak MAIN berdasarkan berdasarkan kepada persetujuan yang dipersetujui pada awal kontrak yang telah dibuat.

### Kesimpulan

Melalui model usahawan B40 wakaf tani bersepadu yang berasaskan kontrak musyarakah ini serba sedikit menjadi pemangkin ataupun penggerak kepada pembangunan wakaf di Malaysia. Ini kerana, tanah wakaf yang terbiar dapat dioptimumkan sebaik mungkin bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi serta dapat membasmi kemiskinan yang sedia ada. Hal ini apa yang dapat dilihat dari hari ke hari, harta wakaf semakin bertimbun dan penyelesaian kepada harta wakaf ini masih lagi belum dapat diatasi. Lantaran dengan pengenalan model ini, secara tidak langsung boleh mengatasi masalah pembangunan harta wakaf di Malaysia dan seterusnya dapat menjana ekonomi umat Islam serta pembangunan sosial ummah yang lebih baik dan berkesan pada masa hadapan. membasmi kemiskinan yang sedia ada.

### Rujukan

- Ab Rahman, A. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113-152.
- Ahmad Suhael, A. (2021). Malaysia import makanan RM55.4 bilion tahun lalu. *Berita Harian*, Diperolehi pada 21 Disember 2022 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/876050/malaysia-import-makanan-rm554-bilion-tahun-lalu>
- Aris, N. M., Abas, S. A. H., Adnan, S. D. M., Nasir, M. F. M., & Jalani, H. (2021). Modul usahawan tani Islam. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding (E-JITU)*, 1, 16-32.
- Aziroh, N., & Sa'diyah, M. U. (2014). Musyarakah dalam Fiqih dan Perbankan Syariah. *Jurnal Equilibrium*, 2(2), 310-327.
- Baihaki, A. & Zakaria, B. (2019). Pengkomersial Tanah Wakaf Mengikut Perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4, 86-94.
- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji. (2010). *Manual Pengurusan Istibdāl Wakaf*. Kuala Lumpur: JAWHAR.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. (2022). *Keluasan (Hektar)*. Daripada <https://www.jawhar.gov.my/wakaf/tanah-wakaf/> diperolehi pada 12 Disember 2022.
- Kamus Dewan 4TH . (2005). *Definisi Pertanian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majid, R. (2022). Rice land sustainability and agricultural financing through waqf. *Review of Islamic Social Finance and Entrepreneurship*, 1(1), 17-35.
- Mohamad, M. R. (2020). Kajian Pelaksanaan Istibdāl bagi Tanah-Tanah Wakaf di Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities (Al-'Abqari)*, 22(2), 275.

- Mohd. Fairuz, d. S., Azlina, A., Norida, B., Hairunnizam, W., Azizah, M. H., & Ainol Basirah, A. W. (2022). Perakaunan aset wakaf di malaysia : Cadangan pengolahan perakaunan dan pelaporan. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR): Selangor.
- Puspitasari, A. W. (2017). Optimizing productive land waqf towards farmers prosperity. *Journal of Indonesian Applied Economics*, 7(1), 103-112.
- Rahayu, R., & Nafi'Hasbi, M. Z. (2022). Teori dan Konsep Akad Musyarakah dan Penerapannya dalam Perbankan Syariah. *Jurnal Keislaman*, 5(2), 176-185.
- Rahmawati, M. Y., Mohammad Hidir, B., Norintan, W., Rosnani, M. S., & Siti Mariam, A. (2021). Isu Tanah Wakaf Terbiar dan Peranan Nazir Menurut Undang-Undang Islam Dan Undangundang Wakaf Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(3), 109-119.
- Sabri, H. B., Seman, J. A., & Othman, N. A. (2020). Harta Wakaf 'Aqar Dalam Pembangunan Industri Halal: Analisis Terhadap Sektor Keusahawanan Islam.
- Siti Salmiah, A. H. (2016). 11,091.82 hektar tanah wakaf. MyMetro, Diperolehi pada 21 Disember 2022 daripada <https://www.hmetro.com.my/node/111064>
- Sujian S. & Bustam, B. (2020) "Peran Bank Syariah dalam Meningkatkan Perekonomian Nasional Melalui Pembiayaan Modal Kerja pada UMKM," *Jurnal Ekonomi Dan Bisnis Islam*, 4(1).
- Utusan Malaysia. (2021). Bajet 2022 komprehensif untuk B40. Diperolehi pada 21 Disember 2022 daripada <https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/11/bajet-2022-komprehensif-untuk-b40/>
- Wildana, M. D. A., & Alhabshi, S. M. S. J. (2018). Proposed waqf framework for food security and price stabilization policy of rice in Indonesia. *Journal of Islamic Finance*, 7(2), 070-085.